

Musa mangsa penganiayaan – Hishammuddin

UM - 29/7/2007

BALIK PULAU 28 Julai – Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan menjadi mangsa penganiayaan pihak tertentu sehingga menyebabkannya disiasat Badan Pencegah Rasuah (BPR) berhubung dakwaan menerima rasuah RM2 juta bagi membebaskan tiga tahanan Ordinan Darurat, kata Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO itu sedih kerana Musa terpaksa melalui prosedur siasatan kerana secara peribadi dari awal-awal lagi beliau cukup yakin Musa tidak bersalah.

“Kes Musa adalah satu penganiayaan terhadapnya kerana saya cukup kenal dengannya secara peribadi, bukan sahaja perjalanan kerjayanya bersih tetapi juga hati budi beliau.

“Jika kita bersih dan jujur, tiada apa yang kita perlu takutkan, jika hendak siasat, siasatlah dan kita bersedia untuk melalui proses berkeenaan kerana yakin kita berada di pihak yang benar,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Balik Pulau di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Pulau Pinang, Datuk Salim Bari dan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Balik Pulau, Shah Headan Ayoob Hussein Shah.

Menurut Hishammuddin, walaupun penganiayaan seumpama itu fenomena baru yang terpaksa dilalui pemimpin negara, namun mereka tidak perlu bimbang sekiranya tidak melakukan sebarang kesalahan undang-undang.

Semalam, Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail mengarahkan siasatan BPR berhubung dakwaan rasuah dan salah guna kuasa terhadap Musa dan bekas Ketua Pengarah BPR, Datuk Seri Zulkifli Mat Noor ditutup setelah mendapati tidak ada apa-apa keterangan atau unsur-unsur jenayah dalam bentuk amalan atau perlakuan mahupun penyalahgunaan kuasa yang boleh dikaitkan dengan kedua-duanya.

Bagi kes Musa, BPR membuka satu kertas siasatan terhadapnya pada 18 Jun lalu dan menjalankan siasatan rapi termasuk mengambil percakapan pihak-pihak yang dikatakan membayar wang RM2

juta kepadanya.

BPR juga mengambil keterangan daripada keenam-enam saksi yang dikatakan telah mengaitkan ketiga-tiga subjek (tahanan) berkeenaan sebagai anggota sindiket judi haram dan pada masa yang sama, agensi itu juga menyemak penyata-penyata akaun bank Musa dan harta-harta yang beliau miliki.

Kertas siasatan itu dibuka setelah Ketua Penolong Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Nazree Mohamad mengemukakan satu surat aduan dan e-mel kepada BPR pada 27 April lalu yang mengandungi antara lain tohmahan itu.

Mengulas lanjut, Hishammuddin berkata, kenyataan Abdul Gani bahawa penyata akaun bank Musa tidak menunjukkan sebarang kemasukan wang yang mencurigakan telah membersihkan nama Ketua Polis Negara itu.

Bagaimanapun, menurutnya, Musa terpaksa melalui proses siasatan yang menuntut kesabaran tinggi setelah timbul dakwaan yang dilemparkan terhadapnya.